

## BAB III

### GAMBARAN UMUM PEGADAIAN SYARIAH DEWI SARTIKA

#### 3.1. Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan menjelaskan sejarah ringkas penubuhan Institusi Pegadaian di Indonesia, iaitu yang bermula dari masa penjajahan Belanda hingga masa sekarang. Penulis juga akan menjelaskan produk apa sahaja yang ditawarkan oleh institusi Pegadaian di Indonesia.

Selain itu, sejarah penubuhan Pegadaian Syariah Dewi Sartika juga akan didedahkan secara ringkas pada bab ini, sama ada dari landasan hukum, visi dan misi, budaya syarikat, struktur organisasi, maupun produk-produk yang ditawarkan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika.

#### 3.2. Sejarah Ringkas Pegadaian di Indonesia

##### 3.2.1. Pegadaian Masa Pemerintahan Belanda (1746-1811)<sup>97</sup>

Sejarah Pegadaian bermula pada saat Pemerintahan Belanda dengan menubuhkan Bank Van Leening, iaitu institusi kewangan yang memberikan kredit dengan sistem gadaian, institusi ini pertama kali ditubuhkan di Batavia<sup>98</sup> pada tarikh 20 Ogos 1746.

---

<sup>97</sup> Pegadaian Dari Masa ke Masa, laman sesawang *Pegadaian*, dicapai 05 Ogos 2012.  
<http://www.pegadaian.co.id/>.

<sup>98</sup> Batavia adalah Bandar Jakarta pada masa penjajahan belanda. Sebelum datangnya Belanda ke Indonesia, Bandar tersebut bernama Jayakarta, lalu diubah oleh Belanda menjadi Batavia. Lalu pada masa Pemerintahan Jepun (1942) nama Bandar tersebut diubah lagi menjadi Jakarta sampai saat ini. Lihat di sejarah Jakarta, laman sesawang *Jakarta*, dicapai 07 Ogos 2012, <http://www.jakarta.go.id/web/news/1970/01/Sejarah-Jakarta>.

### **3.2.2. Pegadaian Masa Pemerintahan British (1811-1816)<sup>99</sup>**

Ketika British mengambil alih kuasa Indonesia dari pihak Belanda, Bank Van Leening milik pemerintah dibubarkan dan masyarakat diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat pengadaian dengan syarat mesti mendapat lesen dari Pemerintah Daerah (PD) tempatan. Namun aturan tersebut berimpak buruk, pemegang lesen menjalankan amalan rentenir atau tukang riba yang dirasa kurang menguntungkan pemerintah British yang berkuasa pada masa itu. Oleh kerana itu, penubuhan pengadaian diberikan kepada umum yang mampu membayarkan pajak yang tinggi kepada pemerintah.

### **3.2.3. Pegadaian Masa Pemerintahan Belanda II (1816-1942)<sup>100</sup>**

Pada saat Belanda berkuasa di Indonesia untuk kali kedua, aturan yang diterapkan Pemerintah British ke atas pegadaian tetap dipertahankan dan menimbulkan impak yang sama di mana pemegang hak ternyata banyak melakukan penyelewengan dalam menjalankan perniagaan. Selanjutnya pemerintah Hindia Belanda mengkaji kembali tentang pegadaian, cadangan yang dikemukakan adalah sebaiknya aktiviti pegadaian diurus oleh pemerintah agar dapat memberikan perlindungan dan manfaat yang lebih besar bagi masyarakat. Berdasarkan hasil penelitian tersebut, pemerintah Hindia Belanda mengeluarkan peraturan nombor 131 tarikh 12 Mac 1901 yang menetapkan bahawa aktiviti Pegadaian merupakan monopoli Pemerintah dan tarikh 1 April 1901 ditubuhkan Pegadaian Negara pertama di Sukabumi (Jawa Barat), selanjutnya setiap tarikh 1 April diperingati sebagai hari ulang tahun Pegadaian Indonesia.

---

<sup>99</sup> Pegadaian Dari Masa ke Masa, laman sesawang *Pegadaian*, dicapai 05 Ogos 2012.

<http://www.pegadaian.co.id/>.

<sup>100</sup> *Ibid.*

### **3.2.4. Pegadaian Masa Pemerintahan Jepun (1942-1965)<sup>101</sup>**

Pada masa Jepun berkuasa di Indonesia, bangunan pejabat pusat Pegadaian yang beralamat di Jalan Kramat Raya 162 dijadikan tempat tawanan perang dan Jabatan Pusat Pegadaian dipindahkan ke Jalan Kramat Raya 132. Tidak banyak perubahan yang berlaku pada masa Jepun memerintah Negara Indonesia, sama ada dari sisi polisi maupun struktur organisasi jawatan pegadaian. Pegadaian dalam Bahasa Jepun disebut ‘*Sitji Eigeikyuku*’, Pegadaian diketuai oleh orang Jepun yang bernama Ohno-San dengan naib orang peribumi yang bernama M. Saubari.

### **3.2.5. Pegadaian Masa Kemerdekaan Republik Indonesia<sup>102</sup>**

Dalam masa ini Pegadaian sudah beberapa kali berubah status, iaitu sebagai Syarikat Negara semenjak 1 Januari 1961, kemudian mengikut Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 7/1969 menjadi Syarikat Jawatan, selanjutnya mengikut Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 10/1990 (yang diperbaharui dengan PP Nombor 103/2000) berubah lagi menjadi Perusahaan Umum (Syarikat Am) hingga sekarang.

## **3.3. Produk-Produk Pegadaian**

Dalam operasi Pegadaian di Indonesia, ada beberapa produk yang ditawarkan, iaitu:<sup>103</sup>

### a) Perkhidmatan Gadai

KCA ( Kredit Cepat dan Aman), iaitu kredit dengan sistem gadai yang diberikan untuk semua golongan pelanggan, sama ada untuk keperluan penggunaan maupun untuk keperluan produktif.

---

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> *Ibid.*

<sup>103</sup> Produk Pegadaian, laman sesawang *Pegadaian*, dicapai 05 Ogos 2012, [www.pegadaian.co.id](http://www.pegadaian.co.id).

b) Perkhidmatan Emas

GALERI 24, iaitu Perkhidmatan penjualan logam mulia kepada masyarakat secara tunai atau ansuran dengan proses cepat dan dalam jangka waktu yang fleksibel.

c) Perkhidmatan Fidusia

1. KREASI (Kredit Ansuran Sistem Fidusia), iaitu pinjaman ansuran bulanan yang diberikan kepada Usaha/Perniagaan Mikro Kecil dan Menengah (UMKM) untuk pengembangan perniagaan dengan sistem fidusia. Fidusia bererti jaminan untuk pinjaman hanya dengan Bukti Pemilikan Kenderaan Bermotor (BPKB) sehingga kenderaan masih boleh digunakan untuk urusan niaga.
2. KRASIDA (Kredit Ansuran Dengan Sistem Gadai), iaitu iaitu pinjaman ansuran bulanan yang diberikan kepada Usaha/Perniagaan Mikro Kecil dan Menengah (UMKM) untuk pengembangan perniagaan dengan sistem gadaian.
3. KRISTA (Kredit Usaha Rumah Tangga), iaitu kredit yang diberikan kepada para wanita peniaga yang tergabung dalam kumpulan untuk pengembangan perniagaan dengan sistem tanggung bersama.

d) Perkhidmatan Lainnya

1. KUCACI (Kiriman Wang Cara Instan, Cepat dan Aman), iaitu Perkhidmatan penghantaran dan penerimaan wang dari dalam dan luar negeri dengan kos kompetitif yang bekerjasama dengan Western Union.
2. Perkhidmatan Simpanan, iaitu perkhidmatan kepada pelanggan yang ingin menyimpan barang berharga miliknya, seperti emas, berlian, surat

berharga, maupun kenderaan dengan kos murah. Dalam perbankan perkhidmatan ini dikenal dengan “safe deposit box”

3. Perkhidmatan Taksiran, iaitu bentuk perkhidmatan kepada masyarakat yang ingin mengetahui kualiti daripada harta perhiasan emas, berlian dan batu permata, sama ada untuk keperluan pelaburan ataupun untuk keperluan perniagaan.
4. Kresna, iaitu kredit (pinjaman) ansuran bulanan yang ditawarkan bagi pejabat Pegadaian yang telah memiliki pendapatan tetap.
5. Langen Palikrama, iaitu auditorium yang diurus oleh pegadaian untuk disewa kepada masyarakat yang ingin menggunakan untuk keperluan berbagai acara.
6. INVESTA (Investasi Harta Berharga Milik Anda), iaitu pinjaman dengan sistem gadaian yang diberikan bagi pelanggan sama ada individu atau institusi dalam jangka waktu tertentu dengan jaminan berupa saham yang diakui dan dijualbelikan di Bursa Efek Indonesia serta Obligasi.
7. KREMADA (Kredit Perumahan Rakyat), iaitu pinjaman (kredit) yang diberikan untuk masyarakat yang mempunyai pendapatan rendah (kurang daripada IDR 2.000.000) untuk tujuan renovasi dan pembangunan rumah.
8. KAGUM (Kredit Aneka Guna Untuk Umum), iaitu kredit (pinjaman) ansuran bulanan dengan sistem fidusia yang ditawarkan bagi kaki tangan suatu institusi yang sudah memiliki pendapatan. Perkhidmatan ini boleh didapati di syarikat atau institusi yang telah menjalin kerjasama dengan Pegadaian.
9. G-lab, iaitu perkhidmatan untuk mengetahui keaslian dan kualiti batu permata serta sijil batu permata tersebut.

### **3.4. Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta**

#### **3.4.1. Sejarah Ringkas Penubuhan Pegadaian Syariah Dewi Sartika Jakarta**

Melihat semakin berkembangnya minat masyarakat terhadap produk Syariah, dan juga PERUM Pegadaian melihat ada peluang untuk melaksanakan amalan gadaian yang selari dengan Syariah, maka PERUM Pegadaian mengadakan kerjasama dengan PT. Bank Muamalat Indonesia (BMI) dalam mengupayakan pelaksanaan amalan gadaian yang selari dengan Syariah, maka pada bulan Mei 2002 telah ditandatangani sebuah kerjasama antara kedua-dua pihak bagi menubuhkan gadai Syariah. PERUM Pegadaian sebagai pelaksana manakala Bank Muamalat Indonesia sebagai pihak yang memberikan dana.<sup>104</sup>

Selain alasan diatas, terdapat pula beberapa alasan lain mengapa amalan pegadaian berdasarkan Syariah perlu ditubuhkan, iaitu:<sup>105</sup>

1. Ada keinginan masyarakat Islam untuk bertransaksi secara islami.
2. Undang-undang membolehkan adanya Rahn.
3. Pegadaian ditengah masyarakat Islam wajib melaksanakan produk tersebut.
4. Persaingan usaha, dimana pegadaian mesti dapat menjawab cabaran agar tidak ditinggalkan oleh pelanggan.

Sebab beberapa alasan tersebut, maka ditubuhkan Pegadaian Syariah Dewi Sartika sebagai Unit Layanan/Perkhidmatan Gadai Syariah (ULGS) yang pertama di Indonesia yang beralamat di jalan Dewi Sartika No. 139 A Jakarta Timur, Indonesia. Adapun akad utama yang digunakan dalam operasi di gadaian Syariah adalah akad *Rahn* dan

---

<sup>104</sup> Zainuddin Ali, *Hukum Gadai Syariah* (Jakarta: Sinar Grafika Offset, t.t.), 16.

<sup>105</sup> Warta Pegadaian, *Usaha Lain Dari PERUM Pegadaian* (Jakarta: Percetakan Pegadaian, 2003), 6.

akad *Ijārah*<sup>106</sup>. Konsep operasi gadaian Syariah merujuk pada sistem ekonomi moden iaitu asas rasionaliti dan keberkesanan yang diselaraskan dengan nilai-nilai Islam. Fungsi operasi gadaian Syariah itu sendiri dijalankan oleh pejabat-pejabat Cawangan Pegadaian Syariah/Unit Perkhidmatan Gadaian Syariah sebagai satu unit organisasi di bawah binaan bahagian usaha lain PERUM Pegadaian. Unit Layanan/Perkhidmatan Gadai Syariah (ULGS) ini merupakan unit usaha bebas yang secara struktural berasingan urusannya dari amalan gadaian konvensional.<sup>107</sup>

Dengan penubuhan Pegadaian Syariah Dewi Sartika, maka keinginan pelanggan untuk mendapatkan pembiayaan yang aman, cepat, dan bebas riba dapat dipenuhi.

### **3.4.2. Landasan Hukum Penubuhan Pegadaian Syariah Dewi Sartika**

Secara hukum negara, landasan hukum penubuhan Pegadaian Syariah Dewi Sartika adalah Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 103, tarikh 10 November 2000 tentang PERUM Pegadaian. Manakala secara Syariah, landasan hukum penubuhan Pegadaian Syariah Dewi Sartika adalah fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) Nombor 25/DSN-MUI/III/2002 tentang rahn.<sup>108</sup>

---

<sup>106</sup> Kedua akad tersebut digunakan untuk produk-produk yang ditawarkan oleh Pegadaian Syariah, kecuali produk MULIA yang menggunakan akad *Murābahah*.

<sup>107</sup> Ari Agung Nugraha, "Gambaran Umum Kegiatan Usaha Pegadaian Syariah", laman sesawang *Tripod*, dicapai 14 Mac 2011, <http://ulgs.tripod.com/aboutme.htm>.

<sup>108</sup> *Ibid.*

### **3.4.3. Visi dan Misi**

Visi dan Misi Pegadaian Syariah Dewi Sartika adalah seperti berikut:<sup>109</sup>

a. Visi syarikat:

Menjadi “Champion” dalam pembiayaan mikro dan kecil berasaskan gadai dan fidusia bagi masyarakat menengah ke bawah.

b. Misi syarikat:

1. Membantu program pemerintah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat khasnya golongan menengah ke bawah dengan memberikan penyelesaian kewangan yang terbaik melalui pemberian pinjaman skala mikro, kecil dan menengah dengan dasar hukum gadai dan fidusia.
2. Memberikan manfaat kepada pihak berkepentingan dan melaksanakan tadbir urus syarikat yang baik secara konsisten.
3. Melaksanakan usaha lain dalam rangka optimalisasi sumber daya.

### **3.4.4. Budaya Syarikat**

Dalam suatu syarikat, diperlukan budaya tinggi yang mesti disokong oleh seluruh lapisan kaki tangan agar tercipta sistem kerja yang optimum. Dalam mewujudkan tujuan tersebut, maka syarikat Pegadaian Syariah Dewi Sartika menerapkan budaya yang disebut “INTAN”, iaitu:<sup>110</sup>

---

<sup>109</sup> Visi dan Misi, laman sesawang *Pegadaian*, dicapai 09 Ogos 2012. [www.pegadaian.co.id](http://www.pegadaian.co.id).

<sup>110</sup> *Ibid.*

- a) INOVATIF
  - 1. Berinisiatif, kreatif dan produktif
  - 2. Berorientasi pada penyelesaian
- b) NILAI MORAL TINGGI
  - 3. Taat beribadah
  - 4. Jujur dan berpikir positif
- c) TERAMPIL (Mahir)
  - 5. Kompeten di bidangnya
  - 6. Selalu mengembangkan diri
- d) ADI PERKHIDMATAN
  - 7. Peka dan cepat tanggap
  - 8. Empatik, santun dan ramah
- e) NUANSA CITRA
  - 9. Memiliki *sense of belonging*
  - 10. Peduli nama baik syarikat


### **3.4.5. Struktur Organisasi dan Tugas**

Struktur organisasi untuk pengurusan usaha Syariah terdiri dari struktur organisasi Bahagian Usaha Syariah dalam skala Nasional dan struktur organisasi Pejabat Cawangan Pegadaian Syariah Dewi Sartika.

Di Pegadaian Syariah Dewi Sartika, struktur organisasi tertinggi ialah Pengarah, lalu Pengurus, lalu Penaksir, Kasir, Penyimpan, Pemegang Gudang dan Keselamatan. Selain itu ada pula Pengurus Unit yang bertanggungjawab langsung kepada Pengarah.

Untuk lebih jelasnya, penulis akan menggambarkan struktur organisasi dalam sebuah charta berikut:<sup>111</sup>

**Carta 3.1. Struktur Organisasi Pegadaian Syariah Dewi Sartika**



*Sumber: Pegadaian Syariah Dewi Sartika*

Tugasan setiap bahagian dalam syarikat:

Seorang Pengarah di Pegadaian syariah Dewi Sartika mempunyai kewajipan untuk mengkoordinasikan seluruh bahagian dalam syarikat tersebut. Ianya juga melakukan pengawasan terhadap kerjaya seluruh kaki tangan, serta ianya menjadi wakil syarikat dalam berhubungan dengan pihak di luar syarikat.<sup>112</sup>

<sup>111</sup> Komaruddin Syam (Pengarah Pegadaian Syariah Dewi Sartika.Jakarta), dalam temubual dengan penulis, 18 Disember 2012.

<sup>112</sup> *Ibid.*

Seorang Pengurus syarikat ataupun pengurus unit mempunyai tugas yang hampir sama, iaitu menjalankan operasi seluruh perkhidmatan yang disediakan syarikat seperti produk Arrum, Mulia, Western Union dan Fidusia. Namun, seorang pengurus syarikat mempunyai tanggungjawap yang lebih luas cakupannya, iaitu tanggungjawap atas syarikat. Manakala seorang pengurus unit ianya hanya bertanggungjawap atas unit sahaja.

## **1.5. Produk-Produk Pegadaian Syariah Dewi Sartika**

Dalam operasinya yang selari dengan Syariah, maka produk-produk yang ditawarkan oleh Pegadaian Syariah Dewi Sartika, iaitu:<sup>113</sup>

### a. Perkhidmatan Syariah

1. Rahn, iaitu skim pinjaman untuk memenuhi keperluan dana bagi masyarakat dengan sistem gadaian sesuai Syariah. Adapun barang yang boleh dijadikan jaminan adalah perhiasan, alat elektronik dan kenderaan.
2. Pembiayaan Arrum, iaitu skim pinjaman dengan sistem Syariah bagi para peniaga mikro dan kecil untuk keperluan niaga dengan pelunasan secara ansuran menggunakan jaminan surat kenderaan/Bukti Pemilikan Kenderaan Bermotor (BPKB).
3. Pembiayaan Amanah, iaitu skim pemberian pembiayaan bagi masyarakat berpendapatan tetap untuk pemilikan motosikal atau kereta. Pembiayaan ini diberikan dengan jangka waktu tertentu yang pelunasannya dilakukan secara ansuran.

---

<sup>113</sup> Komaruddin Syam (Pengarah Pegadaian Syariah Dewi Sartika.Jakarta), dalam temubual dengan penulis, 18 Disember 2012.

b. Perkhidmatan Emas

MULIA (Murabahah Logam Mulia untuk Investasi Abadi), iaitu program yang memudahkan pemilikan jongkong emas melalui penjualan logam MULIA oleh pegadaian kepada masyarakat secara tunai atau ansuran.<sup>114</sup>

### **1.6. Kesimpulan**

Pegadaian merupakan syarikat yang ditubuhkan sejak tahun 1746. Pada awal mulanya, pegadaian sering berpindah kuasa, bermula dari pemerintahan Belanda, lalu British, selanjutnya Jepun. Beberapa aturan pula pernah diamalkan di Pegadaian. Di antaranya ialah aturan penubuhan pengadaian oleh pemerintah dan masyarakat umum. Manakala statusnya pula beberapa kali berubah, bermula dari Syarikat Negara (1961), kemudian menjadi Syarikat Jawatan (1969), selanjutnya mengikut Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 10/1990 (yang diperbaharui dengan PP Nombor 103/2000) berubah lagi menjadi PERUM hingga sekarang.

Pegadaian Syariah Dewi Sartika yang beralamat di jalan Dewi Sartika No. 139 A Jakarta Timur merupakan pegadaian Syariah pertama yang ditubuhkan di Indonesia. Iaitu pada tahun 2003 atas kerjasama antara PERUM Pegadaian dengan PT. Bank Muamalat Indonesia.

Dalam operasinya, Pegadaian Syariah Dewi Sartika menawarkan beberapa produk kepada masyarakat, seperti pembiayaan Arrum, Rahn, Amanah dan MULIA. Akad utama dari produk-produk Pegadaian Syariah Dewi Sartika adalah akad *ijārah* dan akad *rahn*. Namun ada juga produk yang menggunakan akad *murābahah*, iaitu produk MULIA.

---

<sup>114</sup> Layanan Emas, laman sesawang *Pegadaian*, dicapai 14 Mac 2012, <http://www.pegadaian.co.id/>.